



# MAJLIS PENUH KE - 384 [ 5/2006 ]

---

PADA  
26 MEI 2006

MASA  
10.30 PAGI

(F) d/d 30/5/06

TEMPAT  
DEWAN KENANGA - TINGKAT BAWAH  
IBU PEJABAT MPSP, BANDAR PERDA, SPT.

---

---

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA/ PERENGGAN</b>	<b>NO. FAIL/TAJUK</b>
-------------	-------------------------------	-----------------------

---

**3.10 KERTAS MESYUARAT BIL. 35/2006**

Mengemaskini Dan Menyelaras Kadar Bayaran Serta Terma Untuk Sewaan Kompleks Sukan, Stadium Dan Dewan MPSP

---

- 3.10.1 Kertas ini dibentang untuk mendapat pertimbangan dan perakuan Jawatankuasa bagi mengemaskini dan menyelaras kadar bayaran serta terma untuk sewaan/penggunaan Kompleks Sukan, Stadium dan Dewan MPSP.
- 3.10.2 Jawatankuasa dimaklumkan bahawa Jabatan Kemasyarakatan bertanggungjawab dalam pengurusan keseluruhan Kompleks Sukan, Stadium dan Dewan kepunyaan MPSP. Selain daripada menjalankan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan kecil bagi keseluruhan premis berkenaan, Jabatan juga bertanggungjawab dalam urusan sewaan/penggunaan serta penyediaan kemudahan peralatan yang diperlukan. Bermula pada 2001, Jabatan mengeluarkan risalah bagi Kadar Sewaan Kemudahan Sukan Majlis Perbandaran Seberang Perai .
- 3.10.3 Pada masa kini, Jabatan mengguna pakai kadar bayaran berdasarkan kelulusan melalui beberapa mesyuarat Majlis Penuh yang telah dibuat. Bagi memudahkan pengurusan tempahan, jabatan mengguna sistem tempahan berkomputer dan menetapkan 7 slot bermula 9.00 pagi hingga 11.00 malam (1 slot dikira sebagai 2 jam sewaan) serta slot harian.

---

BIL.	PERKARA/ PERENGGAN	NO. FAIL/TAJUK
------	-----------------------	----------------

---

- 3.10.4 Bagaimanapun, kadar bayaran yang ditetapkan tidak menyeluruh dari segi penyewaan secara harian dan bayaran cagaran selain terdapat beberapa TEMPAT (bahagian/kawasan/tapak) baru yang masih belum mempunyai kadar secara rasminya.
- 3.10.5 Berdasarkan penetapan kadar sewaan sedia ada, didapati:-
- (a) Kadar bagi sewaan untuk gelanggang / padang / dewan seperti di Kompleks Sukan Bertam, Sony dan Dewan Dato' Hj. Ahmad Badawi adalah sama bagi tujuan untuk bersukan ataupun untuk mengadakan karnival/konsert. Terdapat sesetengah kemudahan / gelanggang sedia ada tidak mempunyai kadar untuk sewaan harian dan ada kadar harian yang ditetapkan pada kadar yang hampir sama dengan penggunaan kadar bagi satu slot .
  - (b) Kebanyakan sewaan harian tidak mempunyai kadar bayaran cagaran. (Bayaran cagaran kebiasaannya dikenakan untuk memastikan penyewa bertanggungjawab menjaga keselamatan serta kebersihan tempat serta peralatan yang digunakan sepanjang tempoh sewaan). Ini menyukarkan petugas yang mengendalikan sewaan untuk membuat rujukan tentang cagaran yang perlu dikenakan kepada penyewa.

---

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA/ PERENGGAN</b>	<b>NO. FAIL/TAJUK</b>
-------------	-------------------------------	-----------------------

---

- (c) Kadar bayaran cagaran yang sama dikenakan sama ada untuk aktiviti dalam lingkungan khalayak yang kecil atau yang melibatkan khalayak yang besar, contohnya di Kompleks Sukan Bertam dan Sony. Bayaran cagaran yang dikenakan untuk kegunaan padang adalah RM100.00 untuk padang Bertam dan RM100.00 untuk padang Sony.

Masalahnya ialah bila adanya sesuatu program besar seperti karnival yang melibatkan penggunaan ruang padang sepenuhnya serta jumlah pengunjung yang terlalu ramai dengan cagaran sedikit yang dikenakan oleh MPSP, maka penyewa akan mengabaikan aspek keselamatan kemudahan peralatan serta kebersihan dan tidak kisah sekiranya bayaran cagaran tidak dikembalikan kepada mereka. Akibatnya, keadaan padang serta kawasan sekeliling kompleks akan dibiarkan begitu sahaja sebaik selesai program dijalankan.

- (d) Sesetengah bahagian atau kemudahan di kompleks sukan/dewan masih belum mempunyai kadar sewa rasmi. Pada masa kini kadar sewaan yang dikenakan mengambil kira kadar yang pernah diguna pakai untuk kemudahan yang sama di kompleks/dewan lain dan ada pada masa tertentu mengikut kelulusan Yang Dipertua sahaja.

**BIL. PERKARA/  
PERENGGAN****NO. FAIL/TAJUK**

- 3.10.6 Bagi memudahkan pengurusan serta penyelarasan sewaan, Jabatan mencadangkan kadar sewaan sedia ada termasuk bayaran konsesi, bayaran cagaran serta pengecualian bayaran dikemaskini supaya bayaran yang dikenakan adalah mengikut standard yang sama iaitu seperti berikut:
- (a) Setiap sewaan bagi mengadakan aktiviti/program selain daripada latihan, sewaan slot harian (bagi tempoh 8 jam) atau sewaan sepenuh sehari, perlu dikenakan bayaran cagaran. Bayaran cagaran yang perlu dibayar oleh penyewa dicadangkan seperti berikut:
- Bagi sewaan TEMPAT (bahagian / kawasan / tapak) yang berjumlah RM1,000.00 dan ke bawah, bayaran cagaran adalah separuh (50%) daripada sewa yang dikenakan.
  - Bagi sewaan TEMPAT (bahagian / kawasan / tapak) yang berjumlah RM1,000.00 - RM5,000.00, bayaran cagaran adalah RM1,000.00.
  - Bagi sewaan TEMPAT (bahagian / kawasan / tapak) yang berjumlah melebihi RM5,000.00, bayaran cagaran adalah RM3,000.00

---

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA/ PERENGGAN</b>	<b>NO. FAIL/TAJUK</b>
-------------	-------------------------------	-----------------------

---

(b) Kadar bayaran yang telah dikemaskini, kadar bagi beberapa kemudahan baru, kadar bagi lain-lain TEMPAT (bahagian/kawasan/tapak) yang belum ditetapkan kadarnya serta kadar bayaran yang digunakan sekarang disertakan di LAMPIRAN I.

(c) Bayaran separuh harga/konsesi diberi terus untuk:

- Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh agensi kerajaan/badan berkanun.
- Institusi pengajian/pendidikan kerajaan, persatuan/pertubuhan sukan yang berdaftar.
- Ahli Parlimen, Wakil Rakyat, Ahli Majlis MPSP, Persatuan/Kelab serta Jabatan-jabatan di MPSP.

(d) Pengecualian bayaran diberi terus untuk:-

- Aktiviti sukan yang dijalankan oleh Kelab di bawah pengurusan Jabatan Kemasyarakatan serta Persatuan Kebajikan, Sukan Dan Sosial MPSP (PESUKA).
- Program kursus / seminar / bengkel / mesyuarat / latihan yang diadakan oleh Jabatan / Persatuan / Kelab MPSP.

---

**BIL. PERKARA/  
PERENGGAN**

---

**NO. FAIL/TAJUK**

- Kemudahan di para (c) dan (d) adalah untuk aktiviti yang tidak berdasarkan keuntungan dan kemudahan ini tidak termasuk tempahan bagi tujuan kegunaan peribadi.
  - (e) Bayaran separuh harga dan pengecualian bayaran kepada pihak-pihak lain selain daripada yang disebut di para (c) dan (d) di atas boleh diberi dengan pertimbangan dan kelulusan Yang DiPertua.
  - (d) Syarat-syarat sewaan serta penggunaan turut disertakan di Lampiran II dan III.
- 3.10.7 Penyelarasan kadar sewaan ini tidak termasuk bagi sewaan Dewan Milenium yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.
- 3.10.8 Selepas perbincangan, Jawatankuasa *bersetuju* memperakulkan kelulusan bagi Majlis Penuh untuk mengemaskini dan menyelaras kadar bayaran serta terma untuk sewaan Kompleks Sukan, Stadium dan Dewan MPSP seperti di lampiran.

---

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA/ PERENGGAN</b>	<b>NO. FAIL/TAJUK</b>
-------------	-------------------------------	-----------------------

---

**KERTAS MESYUARAT BIL. 36/2006**  
Cadangan Mengadakan Kad Keahlian Kolam Renang Awam Seberang Jaya Dan Gimnasium

---

3.11.1 Kertas ini dibentang untuk mendapat pertimbangan dan perakuan Jawatankuasa bagi mengadakan kad keahlian Kolam Renang Awam Seberang Jaya Dan Gimnasium MPSP.

3.11.2 Jawatankuasa dimaklumkan bahawa Kolam Renang Awam Seberang Jaya dibuka kepada orang ramai pada setiap hari kecuali hari Jumaat. Sebanyak 5 sesi diadakan bagi kolam ini seperti berikut:

09.00 pagi	-	11.00 pagi
11.15 pagi	-	01.15 tengah hari
02.00 petang	-	04.00 petang
05.00 petang	-	07.00 petang
08.00 malam	-	10.00 malam

3.11.3 Kadar bayaran masuk yang dikenakan adalah RM2.00 bagi dewasa dan RM1.00 bagi kanak-kanak untuk setiap sesi selama 2 jam.

3.11.4 Gimnasium MPSP dibuka kepada orang ramai pada setiap hari kecuali hari Ahad dan Cuti Umum. Juga, sebanyak 5 sesi diadakan seperti berikut:

**SULIT**

**AGENDA 4 (E)**

---

BIL.	PERKARA/ PERENGGAN	NO. FAIL/TAJUK
------	-----------------------	----------------

---

KATEGORI	HARI	MASA
LELAKI	ISNIN DAN RABU	09.00 PAGI - 11.00 PAGI 11.30 PAGI - 01.30 TGH 02.30 PTG - 04.30 PTG 05.00 PTG - 07.00 MLM 08.00 MLM - 10.00 MLM
	JUMAAT	09.00 PAGI - 11.00 PAGI 11.00 PAGI - 01.00 TGH 02.30 PTG - 04.30 PTG 05.00 PTG - 07.00 MLM 08.00 MLM - 10.00 MLM
	SABTU	02.30 PTG - 04.30 PTG 05.00 PTG - 07.00 MLM 08.00 MLM - 10.00 MLM
WANITA	SELASA DAN KHAMIS	09.00 PAGI - 11.00 PAGI 11.30 PAGI - 01.30 TGH 02.30 PTG - 04.30 PTG 05.00 PTG - 07.00 MLM 08.00 MLM - 10.00 MLM
	SABTU	09.00 PAGI - 11.00 PAGI 11.30 PAGI - 01.30 TGH

Kadar bayaran masuk yang dikenakan adalah RM1.00 bagi setiap sesi selama 2 jam.

---

**BIL. PERKARA/  
PERENGGAN**                   **NO. FAIL/TAJUK**

---

- 3.11.5 Pada masa sekarang untuk kedua-dua tempat berkenaan kupon dikeluarkan untuk kemasukan orang ramai sama ada ke kolam ataupun gimnasium (Gim). Jabatan berhasrat untuk mengadakan kad keahlian untuk memudahkan pengguna termasuk pengurusan sendiri bagi mengurangkan penggunaan kupon.
- 3.11.6 Bagi mengadakan kad ini, Jabatan akan meluaskan hebahan kepada persatuan/kelab/pertubuhan serta institusi pendidikan/pengajian untuk memaksimumkan penggunaan kolam dan gim. Selain tujuan riadah, aktiviti-aktiviti sampingan seperti pertandingan akan turut diadakan bagi menarik lebih ramai pengunjung.
- 3.11.7 Kadar bayaran yang dicadangkan untuk mengadakan kad keahlian ini adalah seperti berikut:

**Kad Keahlian Kolam**

Kategori	Yuran Pendaftaran/ Tahunan	Yuran Bulanan
Kanak-kanak (12 tahun dan kebawah)	RM15.00	RM15.00
13 tahun-18 tahun	RM25.00	RM25.00
18 tahun ke atas	RM30.00	RM30.00

---

BIL.	PERKARA/ PERENGGAN	NO. FAIL/TAJUK
------	-----------------------	----------------

---

**Kad Keahlian Gimnasium**

Kategori	Yuran Pendaftaran/ Tahunan	Yuran Bulanan
(12 tahun -18 tahun)	RM20.00	RM20.00
18 tahun ke atas	RM25.00	RM25.00

- 3.11.8 Kad keahlian Kolam Renang Awam Seberang Jaya dan Gimnasium MPSP membuka satu ruang baru kepada perkhidmatan MPSP dalam menarik lebih ramai orang ke tempat beriadah di Seberang Perai. MPSP dapat mempertingkatkan kualiti penyediaan kemudahan kepada orang ramai dan orang ramai tidak lagi perlu untuk membeli kupon/tiket masuk ke kolam ataupun gim.
- 3.11.9 Ianya memberi keuntungan kepada pengguna tetap kolam ataupun gim kerana kadar bayaran konsesi yang disediakan berbanding bayaran kemasukan berdasarkan bayaran bagi setiap sesi yang dikenakan sebelum ini. Adalah diharapkan dengan kemudahan yang disediakan ini, lebih ramai pengunjung akan datang menggunakan kemudahan di kolam ataupun gim.
- 3.11.10 Selepas perbincangan, Jawatankuasa *bersetuju* memperakukan kelulusan bagi Majlis Penuh untuk mengadakan kad keahlian Kolam Renang Awam Seberang Jaya dan Gimnasium MPSP dengan kadar harga mengikut jadual di atas.

**IMPIRAN I**

**KOMPLEKS SUKAN MPSP, BERTAM**

TEMPAT(BAHAGIAN/KAWASAN/TAPAK/GELANGGANG)	KADAR BARU		KADAR LAMA			CATATAN
	BIASA	KONSESI	BIASA	KONSESI	CAGARAN	
<b>BADMINTON</b>						
2 JAM	RM 12.00	Tiada	12.00	12.00		Tiada Pindaan
HARIAN						
<b>BOLA JARING</b>						
2 JAM	RM 60.00	RM 30.00	60.00	30.00		Tiada Pindaan
HARIAN	RM 200.00	RM 100.00	150.00	75.00		Pindaan
<b>HOKI</b>						
2 JAM	RM 50.00	RM 25.00	56.00	46.00		Pindaan
HARIAN	RM 200.00	RM 100.00	150.00	100.00		Pindaan
<b>TENIS</b>						
2 JAM (SIANG)	RM 10.00	Tiada	10.00	5.00		Pindaan
2 JAM (MALAM)	RM 15.00	Tiada	15.00	7.50		Pindaan
<b>BOLA SEPAK</b>						
2 JAM	RM 60.00	RM 30.00	60.00	30.00		
HARIAN	RM 200.00	RM 100.00	120.00	60.00		Pindaan
<b>BOLING PADANG</b>						
2 JAM/ RINK SIANG	RM 10.00	Tiada	10.00	10.00		Pindaan
2 JAM / RINK MALAM	RM 15.00	Tiada	15.00	15.00		Pindaan
<b>TREK SINTETIK - ALATAN BALAPAN</b>						
4 JAM PERTAMA	RM 100.00	RM 50.00	250.00	PERCUMA		Pindaan
HARIAN (SIANG)	RM 250.00	RM 125.00				Baru
4 JAM-MALAM	RM250.00	RM 125.00				Baru
<b>PINGPONG-1 PAPAN</b>						
2 JAM (SIANG)	RM5.00	Tiada	5.00	2.5		Baru
2 JAM (MALAM)	RM10.00	RM5.00				Baru
<b>BILIK MESYUARAT (TINGKAT ATAS)</b>						
4 JAM PERTAMA	RM 50.00	RM 25.00	50.00	25.00	100.00	Tiada Pindaan
HARIAN	RM100.00	RM 50.00				Baru
<b>BILIK SEMINAR (TINGKAT ATAS)</b>						
4 JAM PERTAMA	RM100.00	RM 50.00				Baru
HARIAN	RM150.00	RM75.00				Baru
<b>DEWAN BESAR</b>						
4 JAM PERTAMA	RM 450.00	RM 225.00				Baru
HARIAN	RM 600.00	RM 300.00				Baru

**KADAR SEWA SEDIA ADA UNTUK STADIUM NEGERI PULAU PINANG, RATU KAWAN**

MUARAH	BERTIKET		TIDAK BERTIKET				
	SWASTA	JABATAN/KERAJAAN	SWASTA	JABATAN/ KERAJAAN	PERSATUAN KEBAJIKAN / SUKAN / BELIA (BERDAFTAR)	SEKOLAH / INSTITUSI	NOTA
<b>KONSERT</b>							
INTARABANGSA	15% dari jualan tiket atau RM 16,000.00 yang mana lebih tinggi	15% dari jualan tiket atau RM 10,000.00 yang mana lebih tinggi	RM 15,000.00	RM 10,000.00	RM 10,000.00		
EMPATAN	-Sama-	-Sama-	RM 12,000.00	RM 6,000.00	RM 6,000.00		
<b>BOLA SEPAK</b>							
INTARABANGSA	-Sama-	-Sama-	RM 1,000.00 - 4 Jam (4 Jam - Siang)	RM 500.00 (4 Jam - Siang)	RM 400.00 (4 Jam Siang)		
EMPATAN	15% dari jualan tiket atau RM 3,000.00 yang mana lebih tinggi	15% dari jualan tiket atau RM 1,500.00 yang mana lebih tinggi	RM 500.00 (4 Jam - Siang) RM 3,000.00 - Malam	RM 200.00 (4 Jam - Siang)	RM 300.00 (4 Jam - Siang)	RM 200.00 (2 Jam - Siang)	
<b>OLAHRAGA</b>							
INTARABANGSA / EMPATAN	15% dari jualan tiket atau RM 3,000.00 yang mana lebih tinggi	15% dari jualan tiket atau RM 1,000.00 yang mana lebih tinggi	RM 1,000.00 (4 Jam - Siang) RM 3,000.00 - Malam	RM 200.00 - Sehari (4 Jam - Siang)	RM 200.00 - Sehari (4 Jam - Siang)	RM 200.00 - Sehari (4 Jam - Siang)	
<b>EXHIBITION &amp; EXPOSITION</b>							
	15% dari jualan tiket atau RM 18,000.00 yang mana lebih tinggi	15% dari jualan tiket atau RM 10,000.00 yang mana lebih tinggi	RM 10,000.00	RM 2,500.00	RM 2,500.00	PERCUMA	
EMUNGGAHAN	RM 1,000.00 (Sehari)	RM 500.00 (Sehari)	RM 1,000.00 (Sehari)	PERCUMA	PERCUMA	PERCUMA	
A) TEMPAT LETAK KERETA	15% dari jualan tiket atau RM 1,000 yang mana lebih tinggi	15% dari jualan tiket atau RM 500 yang mana lebih tinggi	RM 500 RM 500 RM 1,000 RM 2,000	PERCUMA	PERCUMA	PERCUMA	Penyewaan untuk jangkamasia lebih dari sebulan diberi potongan 60%
apak A							
apak B							
apak C							
apak D							
I) Bilik Persidangan / Bilik Mesyuarat			RM 100 (sehari)	PERCUMA	RM 100	PERCUMA	

**DEWAN DATO' HAJI AHMAD BADAWI, BUTTERWORTH**

	KADAR BARU		KADAR LAMA		CATATAN
	BIASA	KONSESI	BIASA	KONSESI	
<b>DEWAN BESAR</b>					
4 JAM PERTAMA	RM 150.00 X 3	RM 75.00 X 3	150.00 X 3	100.00 X 3	200.00
HARIAN	RM 200.00 X 3	RM 100.00 X 3			Pindaan Baru
<b>BILIK SEMINAR (ATAS)</b>					
4 JAM PERTAMA	RM 100.00 X 3	RM 50.00 X 3	150.00 X 3	100.00 X 3	200.00
HARIAN	RM 150.00 X 3	RM 75.00 X 3			Tiada Pindaan Baru
<b>LOBI</b>			100.00	70.00	200.00
<b>BAWAH</b>					
4 JAM PERTAMA	RM 150.00	RM 75.00			Pindaan
HARIAN	RM200.00	RM100.00			Baru
<b>ATAS</b>					
4 JAM PERTAMA	RM 100.00	RM 50.00			Pindaan
HARIAN	RM 150.00	RM 75.00			Baru
<b>PADANG</b>					
AKTIVITI KECIL (KHALAYAK TIDAK MELEBIHI 500 ORANG)	RM250.00	RM125.00			Baru
KARNIVAL/KONSERT YANG MELIBATKAN	RM2,000.00	RM1,000.00			Baru
KESELURUHAN PADANG					

LAIN-LAIN KEMUDAHAN	KADAR BARU		KADAR LAMA		CATATAN
	BIASA	KONSESI	BIASA	KONSESI	
KERUSI BANKUET @ SEUNIT	RM 3.00	Tiada	3.00	3.00	Tiada Pindaan
KERUSI PLASTIK @ SEUNIT	RM 1.00	Tiada	1.00	1.00	Tiada Pindaan
MEJA (BULAT ATAU PANJANG ) SEUNIT	RM 5.00	Tiada	5.00	5.00	Tiada Pindaan
KERUSI SEMINAR SEUNIT	RM 3.00	Tiada			Baru
PAYUNG @ SEUNIT	RM 5.00	Tiada	5.00	5.00	Tiada Pindaan

**KADAR SEWA BARU UNTUK STADIUM NEGERI PULAU PINANG, BATU KAWAN**

ACARA	BERTIKET		TIDAK BERTIKET	
	BIASA	KONSESI	BIASA	KONSESI
<b>KONSERT/KARNIVAL/EKSPO/PERTUNJUKAN</b>				
ANTARABANGSA	15% dari jualan tiket atau RM 16,000.00 yang mana lebih tinggi (Sehari)	15% dari jualan tiket atau RM 8,000.00 yang mana lebih tinggi	RM 15,000.00	RM 7,500.00
TEMPATAN	15% dari jualan tiket atau RM 16,000.00 yang mana lebih tinggi (Sehari)	15% dari jualan tiket atau RM 8,000.00 yang mana lebih tinggi (Sehari)	RM 12,000.00	RM 6,000.00
<b>BOLA SEPAK</b>				
ANTARABANGSA	15% dari jualan tiket atau RM 16,000.00 yang mana lebih tinggi (Sehari)	15% dari jualan tiket atau RM 8,000.00 yang mana lebih tinggi (Sehari)	RM 500.00 (2 Jam - Siang) RM3,000.00 (2 jam- malam)	RM 250.00 (2 Jam - Siang) RM1,500.00 (2 jam- malam)
TEMPATAN	15% dari jualan tiket atau RM 3,000.00 yang mana lebih tinggi (Sehari)	15% dari jualan tiket atau RM 1,500.00 yang mana lebih tinggi (Sehari)	RM 250.00 (2 Jam - Siang) RM 3,000.00 (2 Jam- malam)	RM 125.00 (4 Jam - Siang) RM 1,500.00 (2 Jam- malam)
<b>OLAHRAGA</b>				
ANTARABANGSA / TEMPATAN	15% dari jualan tiket atau RM 3,000.00 yang mana lebih tinggi (Sehari)	15% dari jualan tiket atau RM 1,500.00 yang mana lebih tinggi (Sehari)	RM 250.00 (2 Jam - Siang) RM1,500.00 (2 jam- malam)	RM 125.00 (2 Jam - Siang) RM750.00 (2 jam- malam)
PEMASANGAN/ PEMUNGGAHAN	RM 1,000.00 (Sehari)	RM 500.00 (Sehari)	RM 500.00 (Sehari)	PERCUMA (Sehari)
<b>TAPAK/TANAH LAPANG</b>				
	BIASA	KONSESI	BIASA	KONSESI
	SEHARI	SEHARI	SEHARI	SEHARI
Tapak A	RM 500.00	Tiada	RM 500.00	RM 250.00
Tapak B	RM 500.00	Tiada	RM 500.00	RM 250.00
Tapak C	RM 1,000.00	Tiada	RM 1,000.00	RM 500.00
Tapak D	RM 2,000.00	Tiada	RM 2,000.00	RM 1,000.00
<b>BILIK</b>				
Bilik Persidangan / Bilik Mesyuarat	RM100.00 (4 jam pertama) RM150.00 (Harian)	RM50.00 (4 jam pertama) RM75.00 (Harian)	RM100.00 (4 jam pertama) RM150.00 (Harian)	RM50.00 (4 jam pertama) RM75.00 (Harian)
Bilik Urusetia	RM50.00 (4 jam pertama) RM150.00 (Harian)	RM25.00 (4 jam pertama) RM50.00 (Harian)	RM50.00 (4 jam pertama) RM150.00 (Harian)	RM25.00 (4 jam pertama) RM50.00 (Harian)



## SYARAT-SYARAT PENYEWAAN DAN PENGGUNAAN STADIUM /KOMPLEKS SUKAN MPSP

1. Pengguna perlu menunjukkan resit/surat kebenaran/kelulusan sebelum menggunakan kemudahan di stadium/kompleks sukan termasuk dewan.
2. Cagaran akan dikenakan sekiranya penyewaan/penggunaan untuk tujuan bagi mengadakan pertandingan/perlawanan, majlis/program atau penyewaan/penggunaan secara harian.
3. Pengguna tidak dibenarkan menggunakan trek/balapan/padang (bolasepak/hoki/boling) /gelanggang/tapak serta dewan sebelum dan selepas tamat tempoh yang dibenarkan .
4. Pengguna hendaklah menggunakan trek/balapan/padang (bolasepak/hoki/boling) /gelanggang/tapak yang disewa/ditentukan sahaja.
5. Kasut yang dipakai hendaklah sesuai dengan permainan/aktiviti. Kasut bertapak kulit, plastik, kasut kasual dan sebarang tapak yang boleh merosakkan trek/balapan/padang (bolasepak/hoki/boling) /gelanggang tidak dibenarkan. Untuk penggunaan balapan, kasut berstad tidak dibenarkan di atas balapan. Pengguna dibenarkan memakai kasut sukan yang bersesuaian atau kasut 'spike' yang mana paku 'spike' tidak melebihi 6 mm.
6. Semua pengguna diminta sentiasa menjaga kebersihan kawasan serta keselamatan peralatan yang digunakan. Sebarang kerosakan/kehilangan perlu diganti.
7. Minuman bergula/bergas dan makanan tidak dibenarkan di kawasan trek/balapan/padang (bolasepak/hoki/boling) / gelanggang.
8. Dilarang merokok dalam kawasan trek/balapan/padang (bolasepak/hoki/boling)/ gelanggang serta dewan.
9. Tidak dibenarkan membawa masuk sebarang kenderaan/binatang peliharaan ke dalam kawasan trek/balapan/padang (bolasepak/hoki/boling) /gelanggang/tapak serta dewan di kawasan kompleks sukan.
10. Tidak dibenarkan mengorek/menggali mana-mana juga bahagian di kawasan stadium/kompleks sukan (trek/balapan/padang bolasepak/hoki/boling)/ gelanggang/tapak serta dewan untuk tujuan mendirikan khemah/kanopi atau sebagainya tanpa kebenaran daripada MPSP.
11. Untuk penganjuran sebarang aktiviti yang melibatkan pembinaan pentas atas padang /trek, penganjur diminta untuk menyediakan dan memasang pelapik (Terraplas) padang/trek merangkumi kawasan pembinaan pentas dan khalayak ramai.
12. Bagi kegiatan-kegiatan/aktiviti yang memerlukan permit/lesen/kebenaran daripada agensi-agensi yang berkaitan(contohnya Bahagian Pelesenan MPSP, Polis, Pejabat Daerah dan sebagainya), pengguna hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak berkenaan terlebih dahulu.

13. Sebarang sepanduk (banner) /poster/ papantanda tidak dibenarkan dipasangkan di mana-mana juga bahagian di kawasan stadium/kompleks sukan kecuali mendapat kebenaran daripada MPSP.
14. Talian elektrik tidak dibenarkan disambung keluar daripada stadium/kompleks sukan kecuali dengan kebenaran daripada MPSP.
15. Tidak dibenarkan membakar apa-apa juga bahan di mana-mana juga bahagian di kawasan stadium/kompleks sukan.
16. Penganjuran semua jenis aktiviti politik, perjudian dan aktiviti yang diharamkan oleh kerajaan adalah tidak dibenarkan.
17. MPSP tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kemalangan/ kecederaan /kehilangan yang berlaku ke atas mana-mana individu sepanjang tempoh penggunaan/penyewaan kompleks sukan.
18. Penyewa hendaklah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan dan syarat-syarat yang akan dikenakan dari semasa ke semasa oleh pegawai yang bertugas.
19. Penyewa tidak dibenarkan menyewa semula ( meminda hal penyewaan ) kepada orang lain.
20. Wang cagaran akan dikembalikan setelah MPSP mendapati semua syarat-syarat yang dikenakan samada secara bertulis atau lisan dipatuhi. Cagaran akan ditahan sekiranya berlaku kehilangan peralatan,kerosakan akibat penyewaan/penggunaan atau hal-hal kebersihan tidak dijaga oleh pihak penyewa. Borang permohonan pulangan balik cagaran boleh dikemukakan sebaik selepas program/aktiviti dilaksanakan.
21. MPSP berhak membatalkan tempahan pada bila-bila masa sahaja untuk kepentingan MPSP dan Kerajaan.

Saya faham dengan syarat-syarat di atas dan mengaku bertanggungjawab serta bersedia untuk diambil tindakan sekiranya saya engkar atau melanggar mana-mana syarat yang telah dikenakan.

---

#### **TANDATANGAN**

**NAMA** : .....

**NO. KP** : .....

**ALAMAT** : .....

.....

.....

**KOMPLEKS REKREASI SONY, SEBERANG JAYA**

TEMPAT(BAHAGIAN/KAWASAN/TAPAK/GELANGGANG)	KADAR BARU		KADAR LAMA		CATATAN
	BIASA	KONSESI	BIASA	KONSESI	
<b>BOLA TAMPAR</b>					
2 JAM (SIANG)	RM 10.00	RM 5.00	5.00	2.50	Pindaan
2 JAM (MALAM)	RM 15.00	Tiada	10.00	5.00	Pindaan
<b>BOLA JARING</b>					
2 JAM	RM 10.00	RM 5.00	5.00	2.50	Pindaan
<b>SEPAK TAKRAW</b>					
2 JAM (SIANG)	RM 10.00	RM 5.00	10.00	5.00	Tiada Pindaan
2 JAM (MALAM)	RM 15.00	Tiada	15.00	7.50	Tiada Pindaan
<b>TENIS</b>					
2 JAM (SIANG)	RM 10.00	RM 5.00	10.00	5.00	Tiada Pindaan
2 JAM (MALAM)	RM 15.00	Tiada	15.00	7.50	Pindaan
<b>BOLA SEPAK</b>					
2 JAM	RM 30.00	RM 15.00	30.00	15.00	Tiada Pindaan
HARIAN	RM 100.00	RM 50.00	50.00	25.00	Pindaan
<b>BOLA KERANJANG</b>					
2 JAM (SIANG)	RM 10.00	RM 5.00	10.00	5.00	Tiada Pindaan
2 JAM (MALAM)	RM 15.00	Tiada	15.00	7.50	Tiada Pindaan
<b>DEWAN</b>					
4 JAM PERTAMA	RM 100.00	RM 50.00	50.00	25.00	100.00
HARIAN	RM 150.00	RM 75.00	100.00	50.00	Baru
<b>TANAH LAPANG</b>					
HARIAN < 150 KAKI PERSEGI	RM 100.00	RM 50.00	100.00	50.00	100.00
HARIAN > 150 KAKI PERSEGI	RM 200.00	RM 100.00			Baru

**DEWAN MUTIARA, DEWAN DESA DAMAI, DEWAN TAMAN PERKASA DAN DEWAN KECIL MPSP**

TEMPAT(BAHAGIAN/KAWASAN/TAPAK/GELANGGANG)	KADAR BARU		KADAR LAMA		CAGARAN	CATATAN
	BIASA	KONSESI	BIASA	KONSESI		
<b>BADMINTON</b>						
2 JAM	RM 10.00	RM 10.00	10.00	5.00		Pindaan
<b>DEWAN</b>						
4 JAM PERTAMA	RM 100.00	RM 50.00				Baru
HARIAN	RM 150.00	RM 75.00				Baru



## SYARAT-SYARAT PENYEWAAN DAN PENGGUNAAN DEWAN MPSP

1. Pengguna perlu menunjukkan resit/surat kebenaran/kelulusan sebelum menggunakan kemudahan dewan. Tempahan adalah sah selepas penyewa menjelaskan bayaran sewaan dan cagaran yang dikenakan.
2. Cagaran akan dikenakan sekiranya penyewaan/penggunaan untuk tujuan bagi mengadakan pertandingan/perlawanan, majlis/program atau penyewaan/penggunaan secara harian.
3. Pengguna/Penyewa hendaklah mematuhi masa tempahan yang telah ditetapkan. Penyewa tidak dibenarkan menggunakan dewan sebelum atau selepas tamat tempoh yang dibenarkan oleh MPSP.
4. Sepanduk ( banner ) dan poster tidak dibenarkan dipasangkan di mana-mana juga bahagian di dalam atau kawasan sekitar dewan kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada MPSP.
5. Talian elektrik tidak dibenarkan disambung keluar daripada dewan kecuali dengan kebenaran daripada MPSP.
6. Tidak dibenarkan membakar apa-apa juga bahan di mana-mana juga bahagian di kawasan dewan.
7. Penganjuran semua jenis aktiviti politik, perjudian dan aktiviti yang diharamkan oleh kerajaan adalah tidak dibenarkan.
8. Tempahan adalah tidak termasuk dengan kemudahan kerusi meja.
9. Peralatan luar yang dibawa masuk hendaklah mendapat kelulusan MPSP terlebih dahulu.
10. Hanya perabot / peralatan yang mempunyai pelapik getah sahaja yang boleh digunakan dalam / atas lantai dewan.
11. Penyewa tidak dibenarkan menggunakan semula cagaran sewa yang telah digunakan.
12. Penyewa tidak dibenarkan menyewa semula ( meminda hal penyewaan ) kepada orang lain.
13. Penggunaan kawasan dewan untuk semua jenis pertunjukan pentas, pesta dan demonstrasi kenderaan adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan MPSP .

14. Bagi kegiatan-kegiatan/aktiviti yang memerlukan permit/lesen/kebenaran daripada agensi-agensi yang berkaitan (contohnya Bahagian Pelesenan MPSP, Polis, Pejabat Daerah dan sebagainya), pengguna hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak berkenaan terlebih dahulu.
15. MPSP berhak membatalkan tempahan pada bila-bila masa sahaja untuk kepentingan MPSP dan Kerajaan.
16. Hal-hal berkenaan dengan kebersihan dan keselamatan peralatan adalah menjadi tanggungjawab penyewa. Penyewa dikehendaki untuk membersih dan mengemas semua peralatan sebaik sahaja tempoh penyewaan tamat. Sebarang kerosakan/kehilangan perlu diganti.
17. Wang cagaran akan dikembalikan setelah MPSP mendapati semua syarat-syarat yang dikenakan samada secara bertulis atau lisan dipatuhi. Cagaran akan ditahan sekiranya berlaku kehilangan peralatan, kerosakan penggunaan atau hal-hal kebersihan tidak dijaga oleh pihak penyewa.
18. Berkenaan dengan hal-hal yang tidak dinyatakan, MPSP berhak untuk membuat sebarang keputusan tanpa merujuk kepada pengguna.
19. MPSP tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemalangan / kecederaan / kehilangan atas pengguna atau barang pengguna yang berlaku sepanjang tempoh penyewaan.
20. Pengguna hendaklah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan dan syarat-syarat yang akan dikenakan dari semasa ke semasa oleh pegawai yang bertugas.

Saya faham dengan syarat-syarat di atas dan mengaku bertanggungjawab serta bersedia untuk diambil tindakan sekiranya saya engkar atau melanggar mana-mana syarat yang telah dikenakan.

---

**(Tandatangan)**

**Nama** : \_\_\_\_\_

**No. K/P** : \_\_\_\_\_

**Alamat** : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_